

MAHATHIR-MINYAK
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 24 JULAI (BERNAMA) — ORANGRAMAI MUNGKIN MENGALAMI KENAIKAN HARGA YANG LEBIH TINGGI BAGI PETROLIUM DAN HASIL-HASIL BERKAITAN SEBELUM MENJELANG HARI RAYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBAYANGKAN DEMIKIAN HARI INI BERKATA BAHAWA DENGAN KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH KERAJAAN MUNGKIN TIDAK DAPAT MEMBERIKAN SUBSIDI YANG LEBIH BESAR KEPADA MINYAK.

+BUAT MASA INI SAHAJA KERAJAAN MEMBELANJAKAN SEJUMLAH \$640 JUTA DALAM BENTUK SUBSIDI, + KATANYA.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS DIJUNJUNGI OLEH KETUA PEMBANGKANG AUSTRALIA, ENCIK WILLIAM G. HYDEN, DI PEJABATNYA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENYELESAIKAN SECEPAT MUNGKIN KAJIANNYA TERHADAP PERMOHONAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK SUPAYA DINAIKKAN HARGA BAHAN ITU.

DITANYA SAMA ADA HARGA BARU ITU AKAN DIUMUMKAN SEBELUM HARI RAYA BELIAU BERKATA: +MUNGKIN BEGITULAH.+

—BERSAMBUNG 184/0/MM

MAHATHIR - MINYAK 2 KUALA LUMPUR

+KERAJAAN SEDANG MEMIKIRKAN TENTANG KOSNYA, + TAMBAHNYA.

MENGENAI KEPERLUAN GAS DALAM NEGERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEADAAN BEKALAN BAHAN ITU KINI BERTAMBAH BAIK.

MENURUTNYA YANG MENJADI MASALAH TALAH SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK MENDAKWA TIDAK MENDAPAT KEPULANGAN KOS.

KATANYA: +KERANA INI SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK BERKATA MEREKA AKAN MEMBEKALKAN APA YANG ADA TETAPI PERTAMBAHAN BEKALAN AKAN MERUGIKAN MEREKA.

+KECUALI PERDAGANGAN ITU MENGUNTINGKAN SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT TIDAK AKAN MENAMBAH BEKALAN, + KATANYA.

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENIMBANG UNTUK MENGADAKAN HANYA SATU SISTEM HARGA BAGI BAHAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI TIDAK MUNGKINKERANA HARGA GAS YANG DIJUAL ADALAH BERBEZA-BEZA DARI SEBUAH SYARIKAT DENGAN SEBUAH SYARIKAT MINYAK.

PERBEZAAN HARGA ITU ADALAH DISEBABKAN BAHAWA SETENGAH-SETENGAH SYARIKAT MENAPIS GAS ITU DI DALAM NEGERI SEMENTARA YANG LAINNYA DI LUAR NEGERI. DI SAMPING ITU SETENGAH-SETENGAHNYA PULA MENGGUNAKAN GAS MENTAH SAMA ADA YANG MURAH ATAU YANG MAHAL DAN SETENGAH-SETENGAHNYA PULA MENJALANKAN PENAPISAN DI SINGAPURA. —BERSAMBUNG 1845/MM

B605

MAHATHIR - MINYAK 3 KUALA LUMPUR

194

+JIKA KITA MENGADAKAN HANYA SATU HARGA SAHAJA SETENGAH-
SETENGAH SYARIKAT MINYAK AKAN MENDAPATKAN KEUNTUNGAN BESAR SEMEN-
TARA YANG LAIN PULA KERUGIAN.

+TETAPI SEKARANG KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENYETARAKAN
PENDAPATAN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK, + KATANYA.

MENGENAI KEKURANGAN TENAGA BURUH DALAM PERUSAHAAN PERLADANGAN,
DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENYEBUT KEMUNGKINAN NEGARA INI
MENGAMBIL BURUH-BURUH KONTRAK DARI SEBERANG LAUT.

+KITA TIDAK MUNGKIN MENGHADAPI SEBARANG MASALAH KERANA GAJI
YANG DIBAYAR DI SINI ADALAH LEBIH MENARIK BERBANDING DENGAN
NEGARA-NEGARA DI TANRAU INI DAN PERBELANJAAN SARA HIDUP JUGA
ADALAH AGAK RENDAH, + KATANYA.

BELIAU MERASKAN KEKURANGAN ITU ADALAH KERANA BURUH TEMPATAN
TIDAK SANGGUP BEKERJA DI LADANG-LADANG DAN LEBIH MEMILIH
UNTUK BEKERJA DI PEJABAT.

MENGENAI RUNDINGANNYA DENGAN ENCIK HAYDEN, DATUK SERI DR.
MAHATHIR BERKATA MEREKA TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT TERUTAMANYA
MENGENAI HUBUNGAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.
—BERSAMBUNG 1847/AH

B606

MAHATHIR - MINYAK 4 KUALA LUMPUR

MEREKA JUGA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG DASAR AUSTRALIA SEKARANG
MENGENAI PERUSAHAAN YANG MENGGUNAKAN BANYAK TENAGA BURUH,
PELABURAN AUSTRALIA DI MALAYSIA, PELABURAN JEPUN DI RANTAU INI DAN
JUGA CADANGAN AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN UNTUK MENUBUHKAN MASYARAKAT
LEMBANGAN PASIFIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENRANGKAN BABAHAWA MALAYSIA
BELUM LAGI MEMPUNYAI SEBAGAI PANDANGAN TERTENTU MENGENAI CADANGAN
ITU +TETAPI SEBAIK-BAIKNYA KITA BERHATI-HATI.+

—BERNAMA 1850/AH